

03 OCT 1999

Mahathir-Isteri

ISTERI SAYA OKAY, KATA DR MAHATHIR

VICTORIA FALLS (Zimbabwe) 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semakin pulih daripada koyak otot di bahu kanan.

"Beliau semakin pulih sekarang... beliau perlu merehatkan tangannya untuk jangka masa yang lama," kata Dr Mahathir kepada wartawan Malaysia selepas menyusuri Sungai Zambezi bersama-sama pemimpin Afrika yang lain yang menghadiri Dailog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 99), di sini.

"Beliau baik. Saya baru sahaja menelefon beliau sebentar tadi, " tambah beliau.

Dr Mahathir berkata doktor telah memberitahu isterinya bahawa ia mungkin akan mengambil masa sehingga tiga bulan untuk tangannya itu Opulih.

"Yang menjadi masalah bagi beliau ialah ini pertama kali mengalami koyakan otot, tidak mendapat rawatan sepatutnya. Dan beliau berjabat tangan dengan ribuan orang semasa mengikuti saya," kata Dr Mahathir.

Dr Siti Hasmah tidak mengikuti suaminya semasa lawatan Perdana Menteri ke New York dan London, baru-baru ini.

Ketika menafikan khabar-khabar angin bahawa Dr Siti Hasmah telah mengalami serangan angin ahmar, Dr Mahathir berkata beliau masih bingung kenapa orang ramai masih mahu percaya desas desus yang berniat jahat itu.

"Ia seperti wartawan asing memberitahu kita bahawa negara kita akan hancur atau menjadi muflis. Tapi ini tak jadi.

"Tapi bila dia tulis lagi sekali, orang percaya juga. Saya tak faham kenapa orang ramai mahu percaya kepada mereka yang berbohong, macam orang kata konon saya pergi Mekah tetapi tak boleh buat kerja haji," katanya.

Apabila ditanya mengenai bila pilihan raya umum akan diadakan, Dr Mahathir berkata: "Masa saya ada di sini, tak akan ada pilihan raya. Saya akan pergi ke Durban untuk Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel, kita akan ada Golf Piala Dunia, ada Formula 1, jadi kamu boleh lupakan semua itu.

"Pihak akhbar sekarang pandai, dia boleh kira bila cuti sekolah, ini hari Sabtu, puasa, Tahun Baru Cina... kamu kiralah dan kemudian beritahu saya. Kemudian kita akan adakan pilihanraya,".

-- BERNAMA

MAM zb